

8 MAR 1996

Mahathir - Maybank

MAHATHIR RASMI CAWANGAN MAYBANK DI HANOI

Oleh: Zainoor Sulaiman

HANOI, 8 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pejabat cawangan Maybank di sini bagi memudahkan hubungan perdagangan dan ekonomi antara Malaysia dan Vietnam.

Perdana Menteri berkata penubuhan cawangan itu sejajar dengan dasar kerajaan Malaysia untuk menggalakkan sektor korporat memperluaskan operasi mereka ke negara-negara sedang membangun terutama di rantau ini.

"Malaysia yakin bahawa dengan menyumbang kepada pertumbuhan negara-negara berkenaan, Malaysia akan mendapat faedah dalam banyak perkara," katanya.

Maybank, kumpulan perbankan terbesar Malaysia dengan mempunyai 236 cawangan di Malaysia dan 34 cawangan di luar negara, mampu menawarkan rangkaian yang luas dan perkhidmatan yang pelbagai kepada pelanggan di Vietnam yang berhasrat menjalankan perdagangan di Malaysia serta di negara-negara yang ia beroperasi.

Dr Mahathir berkata Maybank juga boleh membantu menggalakkan pelaburan dan perdagangan di Vietnam kepada ahli perniagaan dari Malaysia dan seluruh dunia.

"Dengan yang demikian, bank berkenaan boleh menyertai dalam pertumbuhan Vietnam dan menyumbang bagi menggalakkan kerjasama ASEAN," katanya.

Cawangan Maybank Hanoi ialah bank asing Malaysia sepenuhnya yang pertama di Vietnam. Sebuah lagi bank Malaysia, Public Bank Berhad membuka cawangannya di sini empat tahun lepas secara usaha sama dengan Bank Vietnam untuk Pelaburan dan Pembangunan.

Terdahulu, pengerusi Maybank Datuk Mohamed Basir Ahmad berkata pembukaan cawangan itu sejak Oktober tahun lepas merupakan titik penting dalam perluasan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara.

Maybank Hanoi enawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan daripada akaun semasa, overdraf, simpanan tetap dan pinjaman bersyarat hinggalah kepada pembiayaan projek, kewangan perdagangan dan perkhidmatan khidmat nasihat.

Mohamed Basir berkata bank itu komited dalam membantu mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat perniagaan terutama pelanggannya mengenai peluang pelaburan dan perniagaan di kedua-dua negara.

"Sebagai satu daripada lima bank terkemuka ASEAN, Maybank akan bersungguh-sungguh memainkan peranannya dalam pembangunan industri perkhidmatan kewangan di Vietnam," katanya.

Datuk Basir berkata cawangan Maybank itu di sini akan dapat membantu bukan sahaja dalam memudahkan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi duahala malahan menawarkan latihan kemahiran dalam bidang perkhidmatan perbankan dan kewangan ke Vietnam.

Selain daripada cawangannya di sini, Maybank juga telah meletakkan wakilnya di selatan bandaraya Ho Chi Minh.

Rangkaian cawangan luar negara bank itu termasuk 22 di Singapura, dua di Brunei, masing-masing satu di Hong Kong, London, New York dan Phnom Penh, pejabat wakil di Tashkent, Beijing dan Yangon, sebuah bank usahasama di Jakarta dan anak syarikat bank perdagangan milik penuh di Papua New Guinea. -- BERNAMA

ZS CR